14. Berdasarkan peristiwa berikut, nyatakan strategi yang digunakan oleh Belanda untuk mengatasinya.

SP
7.1.4

TP 4

CETUS IDEA



Serangan fizikal

Perjanjian

Pakatan

- (a) Berkonflik dengan penduduk di Pulau Pangkor pada tahun 1650 dan Kuala Perak pada tahun 1651 berikutan dasar monopoli bijih timah oleh Belanda.

Serangan fizikal

- (b) Memaksa Sultan Selangor untuk menjual bijih timah kepada Belanda pada tahun 1786.

Perjanjian

- (c) Bertindak ke atas Selangor dan Rembau pada tahun 1763 bagi mengelakkan penguasaan Selangor ke atas Selat Melaka.

Serangan fizikal

- (d) Bersama-sama angkatan Johor untuk mengalahkan Portugis di Melaka pada tahun 1641.

Pakatan

- (e) Berusaha untuk mendapatkan bijih timah di negeri Perak pada tahun 1650.

Perjanjian

- (f) Masalah perebutan perairan Selat Melaka dengan Johor dan Selangor pada tahun 1784.

Serangan fizikal

- (g) Berpakat dengan British dan memeterai Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.

Pakatan

15. Huraikan strategi yang digunakan oleh British untuk menguasai negara kita.

TP 5

SP
7.1.4

Manipulasi

- (a) Menggunakan perebutan takhta di Perak pada tahun 1871 untuk campur tangan di Perak.
- (b) Menggunakan peristiwa rompakan lanun dan serangan ke atas rumah api di Tanjung Rachado sebagai alasan untuk campur tangan di Selangor.
- (c) Mengambil kesempatan berikutan konflik antara pembesar di Sungai Ujong untuk campur tangan di Negeri Sembilan.

Tipu helah

- (d) Francis Light melakukan tipu helah kepada Sultan Kedah bagi mendapatkan Pulau Pinang.

Pakatan

- (e) Berpakat dengan Belanda dengan memeterai Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 untuk mendapatkan Melaka.

Ugutan / Desakan

- (f) Membuat ugutan terhadap Sultan Selangor dan Sultan Pahang agar menerima Residen British bagi menasihati baginda dalam hal-hal pentadbiran.
- (g) James Brooke mendesak Sultan Brunei untuk mengiktiraf beliau sebagai Raja Sarawak.

Perjanjian

- (h) Mendesak Sultan Perak, Sultan Selangor, Yamtuan Seri Menanti dan Sultan Pahang memeterai perjanjian agar menerima naungan British.
- (i) James Brooke menandatangani perjanjian dengan Sultan Brunei untuk mengiktiraf beliau sebagai Raja Sarawak yang merdeka.

Pajakan

- (j) Melalui pajakan dan pemberian piagam kepada Syarikat Borneo Utara British, British meluaskan pengaruhnya ke atas Sabah.

Serangan fizikal

- (k) Menyerang Naning pada tahun 1831 dan 1832 berikutan keengganan Penghulu Dol Said tunduk kepada kekuasaan British di Melaka.
- (l) Membedil Kuala Terengganu dan meminta Sultan Omar tidak mencampuri masalah perang saudara di Pahang serta masalah takhta Sultan Mahmud Lingga.

16. Gambar berikut menunjukkan peristiwa menandatangani perjanjian antara Stamford Raffles dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman pada 6 Februari 1819.

SP
7.1.4

KBAT
Mengaplikasi



Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah Stamford Raffles berjaya menduduki Singapura? Andaikan anda pemerintah Johor ketika itu, apakah usaha yang dapat anda lakukan bagi menangkis kemaraan kuasa Barat di Singapura?

INFO



Sejarah Johor

Pada 30 Januari 1819, Stamford Raffles memaksa Temenggung Abdul Rahman menandatangani perjanjian yang membenarkan British membuka petempatan di Singapura. Perjanjian tersebut memerlukan pengesahan Sultan Johor. Stamford Raffles mendapat maklumat tentang masalah pewarisan takhta kerajaan Johor. Stamford Raffles mengiktiraf Tengku Hussein sebagai Sultan Johor yang sah dengan syarat Sultan Hussein mengiktiraf perjanjian Stamford Raffles dengan Temenggung Abdul Rahman. Pada 6 Februari 1819, Sultan Hussein mengiktiraf perjanjian tersebut yang membolehkan British bertapak secara rasmi di Singapura.

Usaha yang boleh dilakukan bagi menangkis kemaraan kuasa Barat ialah bersatu hati, menyatukan rakyat, mengutamakan kepentingan negara, bermusyawarah, memantapkan sistem pentadbiran, mengetahui muslihat dan strategi kuasa Barat dan menguatkan sistem pertahanan. *(Mana-mana jawapan yang munasabah)*

17. Lakukan aktiviti berikut.

SP
7.1.4

Aktiviti PAK-21



Meja Bulat

TP 5

- Bahagikan kelas kepada enam kumpulan kecil.
- Setiap kumpulan akan memilih salah satu daripada strategi berikut:
 - Pakatan
 - Manipulasi
 - Serangan fizikal
 - Tipu helah
 - Perjanjian
 - Ugutan / Desakan
- Pilih peristiwa yang membuktikan penggunaan strategi tersebut. Dapatkan maklumat daripada buku teks, jurnal, ensiklopedia atau Internet tentang peristiwa tersebut.
- Setiap kumpulan akan mengadakan perbincangan secara meja bulat. Ahli kumpulan akan mencatat idea pada kertas yang sama.
- Antara maklumat yang berkaitan ialah:
 - Latar belakang
 - Kuasa Barat yang terlibat
 - Strategi yang digunakan tersebut
 - Kronologi peristiwa
 - Kesan penguasaan Barat
 - Iktibar daripada peristiwa

PRAKTIS
REFLEKSI



Bab 1

KUIZ
GAMIFIKASI



Bab 1

BAHAGIAN A

1. Di manakah sistem pemerintahan tradisional berikut dilaksanakan?

Buku Teks
ms. 5

- Sistem Kesukuan
- Sistem Kesultanan
- Sistem Ketua Bebas

- A** Sabah **C** Kelantan
B Sarawak **D** Negeri Sembilan

Aras R Mengingat

2. Apakah peranan cerita berikut dalam sistem pendidikan tidak formal masyarakat Melayu tradisional?

Buku Teks
ms. 8

- *Si Tanggang Anak Derhaka*
- *Anjing dengan Bayang-bayang*

- A** Berkarya **C** Menghafal
B Menasihati **D** Menghibur

Aras S Memahami

3. Mengapakah kuasa Eropah berlumba-lumba untuk meluaskan tanah jajahan di Timur selepas Revolusi Perindustrian?

Buku Teks
ms. 12

- I Mencari pasaran baharu
II Mendapatkan bahan mentah
III Mengembangkan idea revolusi
IV Menandatangani perjanjian perdagangan
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

Aras S Menganalisis

4. Apakah kesan perkembangan industri kereta terhadap negara kita?

Buku Teks
ms. 13

- A** Pengenalan kenderaan bermotor
B Pembinaan jalan raya dinaik taraf
C Harga bijih timah melambung tinggi
D Permintaan terhadap getah asli meningkat

Aras S Menilai

5. Apakah kesan pembukaan Terusan Suez terhadap negara kita?

Buku Teks
ms. 14

- I Perusahaan getah meningkat
II Perkembangan industri perkapalan
III Mempercepat urusan perdagangan
IV Menggalakkan kedatangan kuasa Barat
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

Aras S Menilai

6. Slogan berikut digunakan oleh kuasa Barat untuk menyebarkan tamadun mereka.

Buku Teks
ms. 15

Beban Orang Putih

Mengapakah kuasa Barat menggunakan slogan tersebut?

- A** Meraih simpati
B Mewajarkan tindakan
C Memberikan kesedaran
D Mewujudkan kesejahteraan

Aras S Menganalisis

7. Apakah kuasa Barat yang berusaha untuk bertapak di Terengganu?

Buku Teks
ms. 16

- A** Jerman **C** Sepanyol
B Perancis **D** Amerika Syarikat

Aras R Mengingat

8. Mengapakah Belanda mengadakan pakatan dengan Johor pada tahun 1641?

Buku Teks
ms. 20

- A** Menguasai Singapura
B Menyekat kemaraan British
C Mengusir Portugis dari Melaka
D Memajukan perdagangan Johor

Aras R Memahami

9. Apakah kesan strategi pakatan antara British dengan Belanda terhadap negara kita?

Buku Teks
ms. 21

- A** British mendapatkan Melaka
B Penghapusan lanun di Selat Melaka
C Kekalahan Dol Said dalam Perang Naning
D Perjanjian perdagangan bijih timah Perak-Belanda

Aras S Menilai

10. Maklumat berikut berkaitan dengan konflik yang memberikan peluang kepada British untuk campur tangan di negara kita.

Buku Teks
ms. 21

- Perebutan takhta di Perak
- Konflik pembesar di Sungai Ujung, Negeri Sembilan

Apakah strategi yang digunakan oleh British berdasarkan konflik tersebut?

- A** Pakatan
B Tipu helah
C Manipulasi
D Serangan fizikal

Aras S Menganalisis

BAHAGIAN B

1. Negara kita mempunyai sistem pemerintahan dan ekonomi yang mantap dan teratur.

(a) Nyatakan **dua** peranan raja dalam sistem pemerintahan beraja yang diwarisi oleh negara kita.

Buku Teks
ms. 4

(i) Mengetuai pentadbiran negeri.

(ii) Lambang kedaulatan negeri.

Aras R Memahami [2 markah]

(b) Bagaimanakah sistem ekonomi yang teratur telah membawa kemakmuran kepada negara kita?

Buku Teks
ms. 7

Kegiatan perdagangan dijalankan di pelabuhan-pelabuhan yang strategik.

Sistem timbangan dan sukatan digunakan dalam perdagangan.

Penggunaan mata wang memudahkan urusan perdagangan.

Sistem percukaian yang teratur dilaksanakan.

Aras S Menganalisis [4 markah]

(c) Cadangkan langkah-langkah untuk mengukuhkan ekonomi negara kita.

Memanfaatkan hasil hutan dan hasil bumi negara.

Melibatkan diri dalam perdagangan antarabangsa.

Menggalakkan penglibatan rakyat / belia dalam bidang perdagangan.

Menghapuskan amalan rasuah.

Menyediakan infrastruktur yang lengkap/ canggih di seluruh negara.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Aras T Mencipta [4 markah]

2. Maklumat berikut berkaitan dengan strategi kuasa Barat untuk menguasai negara kita.

Kuasa-kuasa Barat telah menggunakan strategi secara diplomasi dan agresif dalam usaha menguasai negara kita demi kepentingan ekonomi mereka.

(a) Nyatakan **tiga** strategi yang digunakan oleh Belanda untuk menguasai negara kita.

Buku Teks
ms. 19

(i) Serangan fizikal

(ii) Pakatan

(iii) Perjanjian

Aras R Mengingat [3 markah]

(b) Bagaimanakah British menggunakan strategi manipulasi untuk campur tangan di negara kita?

Buku Teks
ms. 21

- (i) Menggunakan peristiwa perebutan takhta di Perak pada tahun 1871 untuk campur tangan di Perak.
- (ii) Menggunakan peristiwa rompakan kapal dagang British dan serangan ke atas rumah api di Tanjung Rachado sebagai alasan untuk campur tangan di Selangor.
- (iii) Mengambil kesempatan berikutan konflik antara pembesar di Sungai Ujong untuk campur tangan di Negeri Sembilan.

Aras S Menganalisis [3 markah]

(c) Sekiranya anda pembesar negara, bagaimanakah anda dapat mengelakkan negara kita daripada dimanipulasi oleh kuasa luar?

Melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan.

Meningkatkan tahap pendidikan negara.

Sentiasa memberikan kesedaran kepada rakyat.

Memastikan kekayaan negara dinikmati bersama oleh semua rakyat.

Sentiasa memelihara keamanan dan kestabilan negara.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Aras S Mengaplikasi [4 markah]



BAHAGIAN C

KLU SOALAN

1(a) Selepas Revolusi Perindustrian, kuasa Barat memerlukan bahan mentah untuk keperluan kilang dan mencari pasaran baharu.

1. Gambar berikut menunjukkan Revolusi Perindustrian di Eropah pada abad ke-17.

Buku Teks
ms. 12
- 15



(a) Huraikan kedatangan kuasa Barat ke negara kita pada abad ke-17 dan ke-18. Aras S Memahami [6 markah]

(b) Jelaskan faktor kedatangan kuasa Barat ke negara kita pada abad ke-19 dan ke-20.

Aras S Menganalisis [6 markah]

(c) Apakah peranan warganegara dalam mempertahankan kedaulatan negara?

Aras T Mengaplikasi [8 markah]

PANDUAN TUGASAN SEJARAH

Pengertian

- (a) Satu kajian secara mendalam tentang situasi, isu, subjek, dokumen atau peristiwa.
- (b) Berdasarkan sumber secara terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.

Ciri

- (a) Data yang mendalam dan teliti dari pelbagai sumber.
- (b) Pemerhatian dan empati.
- (c) Makna dan iktibar yang boleh dipelajari daripada kes tertentu.


Tujuan

- (a) Mengilustrasi gambaran, menganalisis dan menginterpretasi kehebatan tokoh, keunikan monumen, situasi, dan peristiwa melalui maklumat yang diperoleh.
- (b) Mengenal pasti tingkah laku yang kompleks dalam situasi tertentu.
- (c) Mempersembahkan dapatan sebenar.
- (d) Pengesahan dapatan.

Fokus

- (a) Individu, situasi tempatan, atau peristiwa.
- (b) Kejadian atau peristiwa yang unik dan utama atau kes tunggal.
- (c) Perkara berkaitan tokoh, komuniti, pertubuhan, institusi, peristiwa, tempat, fakta / mitos / legenda, dan monumen.

Langkah-langkah pelaksanaan tugas



▶▶▶ CONTOH LAPORAN TUGASAN SEJARAH

<https://plus.pelangibooks.com/Resources/ExcelPBD/SejarahT3/LaporanTugasanSejarah.pdf>



Bahagian A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

Skor**/80**

1. Senarai berikut berkaitan dengan sistem timbangan yang digunakan dalam masyarakat Melayu tradisional.

- 12 saga = 1 mayam
- 16 mayam = 1 bungkal
- 12 bungkal = 1 kati

Apakah barang dagangan yang ditimbang melalui sistem timbangan tersebut?

- A** Beras **C** Minyak
B Emas **D** Batu permata

2. Senarai berikut berkaitan dengan kekayaan hasil bumi di Alam Melayu.

- Emas
- Bijih timah
- Rempah-ratus

Mengapakah pedagang Eropah berusaha mendapatkan hasil bumi tersebut?

- A** Berdagang dengan China
B Mendapat harga tinggi di pasaran
C Barang dagangan yang menguntungkan
D Keperluan utama Revolusi Perindustrian

3. Mengapakah kuasa Barat berlumba-lumba datang ke negara kita untuk mendapatkan getah asli pada abad ke-19 dan ke-20?

- A** Mutu getah asli negara kita terbaik
B Kemunculan perusahaan kereta di Eropah
C Negara kita pengeluar getah terbesar dunia
D Pembesar tempatan berjaya memajukan perusahaan getah

4. Mengapakah kuasa Barat menggunakan slogan berikut?

- Beban Orang Putih
- Tugas Menyebarkan Tamadun

- A** Memudahkan dasar penjajahan
B Melariskan barangan keluaran Eropah
C Mendapatkan sokongan pembesar Eropah
D Mengelakkan penentangan penduduk peribumi

5. Apakah peristiwa yang menunjukkan strategi pakatan dalam penguasaan kuasa Barat terhadap negara kita?

- A** British mendapatkan Melaka
B Kejadian di Tanjong Rachado
C Konflik pembesar di Sungai Ujong
D Penyerahan Singapura kepada British

6. Apakah kepentingan Pulau Pinang kepada SHTI?

- I Pangkalan tentera
II Pusat pentadbiran
III Kawasan pertanian
IV Pelabuhan persinggahan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan dengan pendudukan Singapura oleh British.

Belanda membantah pendudukan Singapura oleh British kerana mendakwa Singapura berada di bawah pengaruhnya.

Bagaimanakah penyelesaian tersebut dicapai?

- A** Perlumbaan senjata
B Menjalinkan persahabatan
C Menandatangani perjanjian
D Merujuk kepada Sultan Johor

8. Antara berikut, yang manakah kesan Perjanjian London 1824 kepada British?

- I Menguasai Betawi
II Mengambil alih Melaka
III Meluaskan kuasa ke Tanah Melayu
IV Mengukuhkan kuasa di Kepulauan Riau Lingga
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

9. Siapakah yang mengetuai pentadbiran Negeri-negeri Selat?

- A** Residen
B Gabenor
C Gabenor Jeneral
D Residen Konsular

10. Bagaimanakah British mengatasi masalah yang dihadapi di Negeri-negeri Selat berikut?

Pentadbiran Negeri-negeri Selat 1867

- Masalah banduan
- Masalah kongsi gelap
- Masalah rompak kapal dagang

- A Mengukuhkan pertahanan
 B Menubuhkan jabatan baharu
 C Mengasingkan pentadbiran setiap negeri
D Memindahkan pusat pentadbiran ke London
11. Senarai berikut berkaitan dengan kekayaan negeri Perak.

- Larut
- Klian Pauh
- Lembah Kinta

Apakah kekayaan yang terdapat di kawasan tersebut?

- A Emas **C Biji timah**
 B Getah **D Lada Hitam**
12. Apakah alasan British untuk memaksa Sultan Pahang menerima Residen British?
- A Kemunduran ekonomi
 B Kekacauan kongsi gelap
 C Perebutan takhta kerajaan
D Pembunuhan warganegara British

13. Mengapakah pelaksanaan Sistem Residen di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang memberi kesan kepada masyarakat tempatan?
- I Cukai baharu dilaksanakan
 II Residen mengetuai pemerintahan
 III Pungutan cukai oleh pembantu raja
 IV Sistem Barat menggantikan pentadbiran tradisional
- A I dan II **C II dan III**
B I dan IV **D III dan IV**

14. Apakah lokasi pusat pentadbiran bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu?
- A Perak **C Kuala Lumpur**
 B Pahang **D Negeri Sembilan**

15. Apakah faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu?
- I Menjamin keselamatan
 II Menyeragamkan pentadbiran
 III Mengukuhkan kedudukan sultan
 IV Menyelesaikan masalah kongsi gelap
- A I dan II** **C II dan III**
B I dan IV **D III dan IV**

16. Mengapakah Kedah menjalin hubungan luar dengan Siam?
- A Mencontohi pemodenan Siam
B Mengelakkan ancaman Burma
 C Menghalang peluasan kuasa British
 D Meneruskan amalan pemerintah terdahulu

17. Mengapakah British begitu berminat untuk meluaskan kuasa ke Negeri-negeri Melayu Utara?
- I Kekayaan hasil bumi
 II Memenuhi permintaan Siam
 III Menyelesaikan masalah huru-hara
 IV Menghalang kemasukan kuasa lain
- A I dan II **C II dan III**
B I dan IV **D III dan IV**

18. Apakah kesan perjanjian tersebut kepada negeri Johor?

Perjanjian Setia Johor-British ditandatangani pada tahun 1885.

- I Pelantikan pegawai Konsul British
 II Residen British ditempatkan di Johor
 III Pembubaran Majlis Mesyuarat Negeri
 IV Hal ehwal luar Johor dikawal oleh British
- A I dan II **C II dan III**
B I dan IV **D III dan IV**
19. Apakah ciri-ciri pentadbiran di Terengganu selepas kedatangan British?
- I Penasihat British terlibat secara langsung
 II Kakitangan awam terdiri daripada pegawai British
 III Residen British dilantik mengetuai pentadbiran negeri
 IV Pembentukan Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri
- A I dan II **C II dan III**
B I dan IV **D III dan IV**

20. Selepas pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, apakah perubahan yang berlaku pada institusi kesultanan?
- I Sultan hilang peranan dalam pentadbiran
 II Sultan kekal sebagai ketua agama Islam dan adat Melayu
 III Sultan kekal sebagai kuasa tertinggi dalam pentadbiran negeri
 IV Sultan menjadi pembantu Penasihat British dalam pentadbiran
- A I dan II
 B I dan IV
C II dan III
 D III dan IV




Bahagian B

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. Rajah berikut menunjukkan sistem pendidikan masyarakat Melayu sebelum kedatangan kuasa Barat.



- (a) Nyatakan **tiga** tempat pelaksanaan pendidikan formal.

(i) Istana

(ii) Masjid / Surau

(iii) Madrasah / Pendidikan pondok

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

[3 markah]

- (b) Apakah matlamat pendidikan kepada masyarakat Melayu ketika itu?

Melahirkan individu yang berakhlak mulia / berkelakuan sopan / berhemah tinggi.

Membentuk generasi yang berdikari.

Menerapkan kemahiran bercucuk tanam / menangkap ikan / bertukang.

Pembelajaran al-Quran / hadis / bahasa Arab / tajwid / fekah.

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

[3 markah]

- (c) Sistem pendidikan tidak formal penting diteruskan pada masa ini.

Berikan ulasan anda untuk menyokong pernyataan tersebut.

Asuhan keluarga pada peringkat awal untuk melahirkan anak-anak yang berakhlak mulia.

Didikan awal seperti bersopan dan menghormati orang tua.

Anak-anak dilatih dengan kemahiran hidup seperti memasak / membersihkan rumah dan pakaian.

Memupuk sikap berdikari dalam diri anak-anak.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

2. Pada tahun 1826, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka digabungkan dalam satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai Negeri-negeri Selat.

- (a) Nyatakan **dua** matlamat pembentukan Negeri-negeri Selat.

(i) Menjimatkan perbelanjaan.

(ii) Menyeragamkan pentadbiran.

[2 markah]

- (b) Apakah kepentingan pembentukan Negeri-negeri Selat kepada British?

British dapat menguasai keseluruhan Selat Melaka.

Taraf pelabuhan bebas Negeri-negeri Selat menarik kedatangan pedagang.

Menjadi pusat pengumpulan hasil bumi Alam Melayu.

Hasil bumi Alam Melayu mengimbangi perdagangan British dengan China.

Menyaingi pelabuhan Belanda di Alam Melayu.

(Pilih mana-mana empat jawapan)

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, bagaimanakah negeri-negeri Melayu yang berhampiran dapat memanfaatkan pembentukan Negeri-negeri Selat bagi mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka?

Menjalinkan perdagangan dengan Negeri-negeri Selat.

Membekalkan hasil bumi yang diperlukan oleh Negeri-negeri Selat.

Mendapatkan barangan dari luar melalui pelabuhan Negeri-negeri Selat.

Mengajak pelabur Negeri-negeri Selat untuk melaburkan modal di negeri-negeri Melayu.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

3. (a) Senaraikan **tiga** kawasan perlombongan bijih timah di Perak.

(i) Larut

(ii) Lembah Kinta

(iii) Sayong / Klian Pauh / Klian baru / Manjong / Beruas

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

[3 markah]

- (b) Bagaimanakah pemimpin Perak memajukan perlombongan bijih timah?

Menggunakan kaedah tradisional, iaitu melampan.

Ngah Ibrahim dan anaknya, Long Jaafar membawa masuk pelombong Cina.

Ngah Ibrahim menjadikan Kuala Sepetang sebagai pelabuhan untuk mengangkut bijih timah ke Pulau Pinang.

Sultan Perak, Sultan Muzaffar Shah mengadakan perjanjian menjual bijih timah dengan Belanda.

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

[3 markah]

- (c) Apakah kepentingan perlombongan bijih timah kepada kerajaan Perak?

Menjadi sumber pendapatan.

Barang dagangan utama.

Mendapatkan perlindungan Portugis / membebaskan Perak daripada Aceh.

Pembinaan pelabuhan Kuala Sepetang.

Kemunculan bandar baharu seperti Gopeng / Kampar / Batu Gajah.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

4. British menggabungkan Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896.

- (a) Nyatakan faktor-faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Mengatasi kelemahan Sistem Residen.

Menyeragamkan pentadbiran.

Menjamin keselamatan negeri.

Menangani masalah kewangan Pahang.

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

[3 markah]

- (b) Jelaskan ciri-ciri Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Gabungan negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Pentadbiran berbentuk persekutuan.

Residen Jeneral sebagai ketua pentadbir.

Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran.

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

[3 markah]

- (c) Sebagai rakyat Malaysia yang setia, apakah peranan kita untuk mempertahankan pemerintahan kerajaan persekutuan di negara kita?

Menghormati perlembagaan negara.

Mengamalkan prinsip Rukun Negara.

Mengeratkan perpaduan.

Mengamalkan cara hidup demokratik.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja.

1. Kestabilan dan kemakmuran negara kita telah menyebabkan kuasa-kuasa Barat berminat untuk mengaut kekayaan tersebut.

- (a) Jelaskan faktor-faktor kedatangan kuasa Barat ke negara kita pada abad ke-16.

Mendapatkan bahan seperti rempah-ratus, minyak wangi, emas, perak, batu permata, gading dan hasil hutan. Mendapatkan barangan mewah dari China seperti teh, sutera dan tembikar di negara kita.

China memerlukan barangan dari Alam Melayu seperti rempah-ratus, bijih timah, emas dan perak.

Memerlukan pusat pengumpulan barang di Kepulauan Melayu yang terletak di tengah-tengah

laluan perdagangan di antara India dan China. Mendapatkan pelabuhan persinggahan sebagai

tempat perlindungan sementara menunggu peralihan angin monsun. Menyebarkan agama Kristian.

Matlamat penjajahan diungkapkan sebagai kekayaan, keagamaan dan kemasyhuran.

[6 markah]

- (b) Abad ke-19 dan ke-20 menyaksikan peningkatan kedatangan kuasa Barat ke negara kita. Terangkan sebab-sebab berlakunya peningkatan tersebut.

Kemunculan perusahaan kereta dan ciptaan tayar meningkatkan permintaan terhadap getah asli oleh

kuasa Barat. Kuasa Barat juga berusaha mendapatkan getah asli untuk perusahaan penebat barangan

elektrik. Kesuburan dan keluasan tanah sesuai untuk tanaman berorientasikan eksport seperti getah, tebu, tembakau dan padi. Kekayaan hasil bumi seperti bijih timah, bijih besi, emas, petroleum dan arang batu.

Pengenalan industri mengetin makanan, minuman, membuat bumbung rumah dan tong minyak

memerlukan penggunaan bijih timah. Pembukaan Terusan Suez mempercepat urusan perdagangan.

Ciptaan kapal wap dapat membawa muatan yang lebih banyak, perjalanan menjadi lebih cepat dan

menjimatkan kos. Persaingan antara kuasa-kuasa Barat meluaskan wilayah pengaruh dan tanah jajahan.

Ciptaan telegraf membolehkan ahli perniagaan di benua Eropah dan Amerika Syarikat menghubungi ejen

dan wakil mereka di Tanah Melayu dengan cepat. Kuasa Barat berhasrat mengembangkan pengaruh

dan tamadun mereka ke seberang laut. Penggunaan slogan "Beban Orang Putih" untuk membantu dan

memberikan kesejahteraan kepada penduduk di wilayah jajahan mereka.

[6 markah]

- (c) Sejarah menunjukkan kuasa Barat menggunakan pelbagai strategi untuk menguasai negara kita. Cadangkan usaha-usaha untuk mengelakkan peristiwa seperti itu daripada berulang.

Memelihara keistimewaan yang sedia ada di negara kita. Memastikan sistem pentadbiran berkesan.

Tidak menimbulkan huru-hara dalam negara. Kepentingan negara dan rakyat diutamakan.

Mempertahankan prinsip demokrasi. Memelihara institusi raja. Sentiasa mengikuti perkembangan di dalam dan luar negara. Memperkasakan sistem pendidikan negara. Mengukuhkan hubungan diplomatik.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[8 markah]

2. Rajah berikut berkaitan dengan pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB).



- (a) Johor berupaya mempertahankan kedaulatannya sehingga tahun 1914. Bagaimanakah pemerintah Johor mampu mempertahankan kedaulatannya?

Kebijaksanaan pemerintah dan pembesar memajukan negeri. Ekonomi komersial berkembang pesat terutama dalam sektor pertanian. Melaksanakan Sistem Kangcu. Pelaksanaan pentadbiran moden yang cekap dan berkesan. Mewujudkan Majlis Jemaah Diraja Johor, Jemaah Menteri dan jabatan-jabatan kerajaan. Pemodenan dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, infrastruktur dan sosial. Golongan pentadbir bersifat komited dan menjalankan tugas dengan berkesan. Menjalin hubungan dengan negeri-negeri Melayu serta negara luar. Membawa kemakmuran dan kemajuan secara menyeluruh. British tiada alasan untuk meluaskan kuasa.

[6 markah]

- (b) Terangkan ciri-ciri Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Tidak ditadbir sebagai satu unit pentadbiran yang tunggal. Pentadbiran bersifat longgar. Tidak terdapat perjanjian khas dalam pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Pengenalannya adalah lebih kepada langkah membezakan pentadbirannya dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu diletak di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Gabenor Negeri-negeri Selat. Kedudukannya tetap sebagai negeri-negeri Melayu pemerintahan beraja yang bebas dan berkuasa autonomi. Raja Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu mempunyai kuasa yang lebih besar berbanding dengan kuasa raja di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

[6 markah]

- (c) Pelaksanaan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu adalah lebih baik berbanding dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Huraikan pernyataan tersebut.

Kedudukan dan peranan sultan tidak berubah dalam Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Sultan kekal sebagai puncak kuasa dalam pentadbiran negeri. Sultan masih berkuasa dalam soal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Kedudukan pembesar turut dikekalkan. Di bawah Negeri-negeri Melayu Bersekutu, sultan terpaksa menerima nasihat Residen. Sistem pentadbiran tradisional dikekalkan. Sistem Jemaah Menteri, Majlis Negeri dan peraturan dalam perlembagaan bertulis diteruskan. Pembesar Melayu menjadi peneraju sistem pentadbiran negeri. Pihak British membantu dengan meminjamkan pegawai tadbir. Negeri mempunyai sistem perkhidmatan awamnya sendiri.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[8 markah]

Bahagian A

[20 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja.**Skor****/80**

1. Apakah peranan Penggawa dalam kerajaan Melayu?

A Menjaga keamanan daerah
B Menyampaikan arahan raja
C Menyediakan hasil dagangan
D Mengekalkan kedaulatan negeri

2. Rajah berikut menunjukkan perubahan permintaan hasil bumi Alam Melayu di Eropah.

Abad ke-16	Abad ke-19
Rempah ratus	Getah

Apakah faktor yang membawa kepada perubahan tersebut?

A Penggunaan kapal wap
B Kekurangan pekerja ladang
C Perkembangan industri kereta
D Kemerosotan permintaan rempah

3. Apakah tujuan British menduduki Seberang Perai pada tahun 1800?

I Benteng pertahanan
II Kawasan pembekal makanan
III Melemahkan Kesultanan Kedah
IV Memajukan pelabuhan di Pulau Pinang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4. Mengapakah Stamford Raffles mengiktiraf Tengku Hussein sebagai Sultan Johor Riau?

A Menegakkan keadilan
B Muslihat untuk menduduki Singapura
C Mengukuhkan pengaruh British di Johor
D Memberikan sokongan kepada Tengku Hussein

5. Mengapakah pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat India dipindahkan ke Pejabat Tanah Jajahan London pada tahun 1867?

A Bantahan saudagar Negeri-negeri Selat
B Undang-undang British tidak dikuatkuasakan
C Pentadbiran diketuai oleh pembesar tempatan
D Menjadikan Negeri-negeri Selat pusat pengumpulan pedagang

6. Apakah kesan Perang Larut terhadap Perak?

A Campur tangan British
B Kemerosotan pentadbiran
C Perdagangan bijih timah meningkat
D Pelaksanaan undang-undang Barat

7. Apakah faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

I Menyeragamkan pentadbiran
II Menguasai negeri-negeri Melayu
III Mengembalikan kuasa raja Melayu
IV Menangani masalah kewangan Pahang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8. Mengapakah penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan menjejaskan kewibawaan Raja-raja Melayu?

A Dilarang mengutip cukai
B Dilantik menjadi ahli biasa
C Dilucutkan gelaran sultan
D Dikawal perbelanjaan negeri

9. Maklumat berikut berkaitan dengan Kesultanan Kelantan.

Maharaja Siam mengurniakan gelaran Phya Pipit Pakdi kepada Sultan Muhammad I pada tahun 1812.

Apakah kesan tindakan tersebut?

A Kemajuan perdagangan
B Pengukuhan pertahanan
C Hilang kedaulatan negeri
D Penamatan institusi beraja

10. Apakah kesan pelaksanaan pemodenan yang dilaksanakan oleh Sultan Abu Bakar terhadap negeri Johor?

- A Rakyat hidup sejahtera
- B Bandar-bandar baharu dibina
- C Tekanan British berjaya ditangkis**
- D Kedudukan raja bertambah kukuh

11. Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

- Mahkamah sivil ditubuhkan.
- Pasukan polis diwujudkan.
- Jabatan baharu diperkenalkan.

Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- A Pemantapan kuasa sultan
- B Pelaksanaan Birokrasi Barat**
- C Pengukuhan kuasa pembesar tempatan
- D Penerusan sistem pentadbiran tradisional

12. Bagaimanakah Charles Brooke berjaya menguasai Limbang di Sarawak pada tahun 1890?

- A Persetujuan penduduk**
- B Melemahkan ekonomi
- C Menggunakan kekerasan
- D Menghapuskan lanun

13. Apakah strategi yang digunakan oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) untuk meluaskan kuasa di Sabah?

- A Pajakan**
- B Tipu helah
- C Manipulasi
- D Serangan fizikal

14. Mengapakah ekonomi moden melibatkan modal dan pengeluaran dalam skala yang besar?

- A Berorientasikan eksport**
- B Melibatkan buruh yang ramai
- C Menggunakan tanah yang luas
- D Menebus guna kawasan tanah terbiar

15. Apakah tujuan British membina sistem pengangkutan berikut di negara kita?

- Landasan kereta api
- Pembinaan jalan raya

- A Menjamin mutu bahan mentah
- B Meningkatkan taraf hidup penduduk
- C Memudahkan pengangkutan hasil bumi**
- D Memajukan sistem pengangkutan awam

16. Siapakah pemimpin yang melancarkan penentangan terhadap British dengan mencabar perjanjian?

- A Dol Said
- B Yamtuan Antah
- C Dato' Maharaja Lela**
- D Haji Abdul Rahman Limbong

17. Apakah iktibar yang diperoleh daripada perjuangan tokoh berikut?

- Tok Janggut
- Mat Salleh

- A Tegas dalam pendirian
- B Berkorban untuk negara**
- C Berfikir sebelum bertindak
- D Tabah menghadapi dugaan

18. Mengapakah gerakan penentangan terhadap British oleh masyarakat tempatan akhirnya menemui kegagalan?

- I Pucuk pimpinan lemah
- II Sokongan tidak menyeluruh
- III Penentangan bersifat setempat
- IV Kedudukan kewangan tidak kukuh
- A I dan II
- C II dan III**
- B I dan IV
- D III dan IV

19. Gambar berikut menunjukkan Undang-Undang Tubuh di Johor.



Apakah kepentingan undang-undang tersebut?

- A Menjamin keharmonian kaum
- B Mengukuhkan kedudukan raja
- C Memelihara kedaulatan negeri**
- D Mengutamakan kebajikan rakyat

20. Apakah kesan tindakan pemimpin tempatan yang menggunakan kebijaksanaan dalam menghadapi kemaraan British?

- A Menuntut kemerdekaan
- B Berjaya mengusir pentadbir British
- C Melambatkan peluasan kuasa British**
- D Merampas kembali hak dan kepentingan



Bahagian B

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. British membentuk Negeri-negeri Selat bagi mengukuhkan kuasanya di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.

- (a) Terangkan ciri-ciri pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah kerajaan British di India.

Pentadbiran diketuai oleh Gabenor.

Residen Konsular dilantik membantu Gabenor dalam urusan pentadbiran.

Pulau Pinang menjadi pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat yang pertama.

[3 markah]

- (b) Mengapakah unit pentadbiran tersebut berpindah ke Pejabat Tanah Jajahan British di London pada tahun 1867?

Tiada wakil Negeri-negeri Selat dalam Majlis Perundangan di India.

Pejabat India gagal mengawal masalah rompakan kapal dagang di Negeri-negeri Selat.

Pejabat India mahu menjadikan mata wang rupee India sebagai mata wang rasmi Negeri-negeri Selat.

Pejabat India menjadikan Negeri-negeri Selat tempat buangan banduan.

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

[3 markah]

- (c) Jelaskan pengajaran yang anda peroleh daripada sejarah pembentukan unit pentadbiran tersebut.

Membuat perancangan yang strategik bagi menjamin kejayaan dalam sesuatu tindakan.

Mempertahankan negara daripada ancaman atau serangan musuh.

Sentiasa cakna dengan perancangan kuasa asing.

Bersatu padu, bermuafakat dan bekerjasama untuk menghadapi musuh negara.

Bijak menyusun strategi untuk mencapai cita-cita masa depan.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

2. British dapat melaksanakan Sistem Residen di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang melalui pelbagai strategi peluasan kuasa.

- (a) Namakan Residen British di negeri berikut:

(i) Perak : J.W.W. Birch

(ii) Pahang : J.P. Rodger

(iii) Selangor : J.G. Davidson

[3 markah]

- (b) Jelaskan peranan Residen.

Menasihati Raja-raja Melayu dalam semua hal ehwal pentadbiran.

Kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Semua nasihat mesti dipatuhi dan diikuti.

[3 markah]

- (c) Apakah kesan pelaksanaan Sistem Residen terhadap masyarakat tempatan?

Pentadbiran negeri dikuasai oleh British.

Pegawai British mengambil alih peranan pembesar.

Penduduk tempatan hidup dalam kesulitan.

Penduduk tempatan perlu membayar cukai tanah.

Penduduk tempatan perlu mendapatkan kebenaran British untuk meneroka tanah.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

3. Kedudukan Sabah yang strategik telah menarik pemodal asing.

- (a) Mengapakah kedudukan Sabah dikatakan strategik?

Terletak di tengah-tengah laluan perdagangan di antara China dan Singapura.

Kapal dagang dapat berlabuh di pelabuhan dengan selamat daripada tiupan angin monsun.

[2 markah]

- (b) Nyatakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) untuk menerima Piagam Diraja daripada British.

(i) SBUB bersetuju menerima penasihat British.

(ii) SBUB melantik pegawai tadbir daripada pegawai yang diakui British.

(iii) SBUB memelihara adat resam, agama dan undang-undang penduduk tempatan.

(iv) SBUB tidak dibenarkan menyerahkan Sabah kepada pihak lain tanpa kebenaran British.

[4 markah]

- (c) Pemberian Piagam Diraja kepada SBUB merupakan strategi British untuk menguasai kekayaan Sabah.

Cadangkan langkah-langkah untuk mempertahankan kekayaan sumber negara kita daripada dieksploitasi oleh kuasa luar.

Sentiasa berwaspada terhadap tindak tanduk kuasa luar.

Memperkasa sistem pendidikan.

Mewujudkan pentadbiran dalam negeri yang stabil.

Menyatupadukan rakyat untuk memelihara kestabilan.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

4. Kedatangan kuasa Barat ke negara kita telah memperkenalkan ekonomi moden.

- (a) Jelaskan ciri-ciri ekonomi moden.

Melibatkan modal yang besar.

Memerlukan tanah yang luas.

Menggunakan teknologi moden.

Menggunakan tenaga buruh yang ramai.

Menghasilkan barangan dalam skala yang besar.

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

[3 markah]



- (b) Nyatakan kesan-kesan sosial akibat perkembangan ekonomi di negara kita.

Berlaku perkembangan bandar yang pesat.

Masyarakat berbilang kaum terbentuk.

Berlaku pelbagai perkembangan dalam bidang pendidikan.

Perkhidmatan kesihatan mula mendapat perhatian.

Penjara dibina untuk memelihara keamanan.

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

[3 markah]

- (c) Cadangkan usaha-usaha untuk memajukan diri dalam bidang ekonomi.

Mengamalkan sikap keterbukaan

Bersedia menerima perubahan.

Sentiasa memperbaharui dan meningkatkan ilmu pengetahuan.

Bijak mengatur tindakan dan strategi.

Menerima perbezaan pendapat.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja.

1. Perubahan dalam sistem pentadbiran tempatan berikutan campur tangan British telah menyebabkan masyarakat tempatan tidak berpuas hati dan bangkit menentang.

- (a) Terangkan proses penentangan tokoh berikut:

- (i) Rentap

[3 markah]

Pada tahun 1853, Rentap berjaya membunuh Alan Lee, iaitu pegawai James Brooke. Pada tahun 1854, beliau berundur ke Bukit Sadok berikutan serangan James Brooke ke atas kubunya di Sungai Lang. Rentap berjaya mengundurkan pasukan Charles Brooke dalam serangan Charles Brooke ke atas Bukit Sadok pada tahun 1857. Pada tahun 1858 dan 1861, Charles Brooke menggempur kubu Rentap di Bukit Sadok. Rentap berundur ke Entabai dan meninggal dunia beberapa tahun selepas itu.

[3 markah]

- (ii) Mat Salleh

Membina kubu di Ranau. Pada Julai 1897, Mat Salleh menyerang pusat pentadbiran British di Pulau Gaya. Pada bulan November 1897, beliau menyerang Ambong. Pada tahun 1898, Mat Salleh dibenarkan mentadbir daerah Tambunan setelah Cowie mengadakan rundingan dengan beliau di Menggatal. SBUB memungkir janji dan mengambil alih pentadbiran Tambunan pada tahun 1899. Tentera SBUB menyerang kubu Mat Salleh di Teboh, Tambunan. Mat Salleh terkorban dalam pertempuran di Tambunan pada tahun 1900.

[3 markah]

- (b) Mengapakah penentangan masyarakat tempatan menemui kegagalan?

Penentangan mereka bersifat setempat. Perjuangan tidak meluas ke seluruh negeri. Sokongan tidak menyeluruh. Perjuangan tidak mendapat sokongan daripada pihak istana. British menggunakan pengaruh istana untuk memadamkan kebangkitan masyarakat tempatan. Senjata kuasa Barat lebih canggih berbanding dengan senjata yang digunakan oleh masyarakat tempatan. British menggunakan pelbagai strategi untuk mengatasi kebangkitan masyarakat tempatan. British berpakat dengan Belanda untuk memadamkan kebangkitan masyarakat tempatan.

[6 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan menghayati jasa tokoh tempatan menentang kuasa Barat.

Membina jati diri. Meningkatkan semangat patriotisme. Menghargai jasa pemimpin atau tokoh.

Membentuk semangat berjuang yang tinggi. Berani kerana benar. Mempertahankan institusi raja.

Sanggup tampil di barisan hadapan untuk mempertahankan kedaulatan negara. Memperoleh

pengajaran dan iktibar.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[8 markah]

2. Pelbagai strategi digunakan oleh Raja-raja Melayu bagi melindungi kepentingan bangsa dan kedaulatan negeri dalam menghadapi cabaran kuasa Barat.

- (a) Huraikan strategi Raja-raja Melayu bagi membela nasib dan kepentingan bangsa melalui Durbar.

Dalam Durbar 1903 di Kuala Lumpur, Sultan Perak, Sultan Idris Murshidul Adzam Shah mengkritik

pemusatan kuasa di tangan Residen Jeneral. Mendesak dilaksanakan langkah mengembalikan kuasa

raja. Menuntut bilangan pegawai Melayu dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan ditambah dan

dilantik ke jawatan yang lebih tinggi. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhammad ibni

Yamtuan Antah menuntut bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi Persekutuan. Melalui Durbar

1932 di Pekan, Pahang, Sultan Perak, Sultan Iskandar Shah mendesak agar kuasa pemerintahan

dikembalikan kepada Raja-raja Melayu dan Majlis Negeri dalam semua aspek pemerintahan negeri.

Dalam Durbar 1937 di Klang, Selangor, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman

menggesa British mengembalikan peluang perkhidmatan kepada buruh dari rumpun Alam Melayu.

Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar Riayatuddin AlMuazzam Shah mendesak British memberikan perhatian

kepada masalah orang Melayu yang tidak mempunyai pekerjaan atau tanah. Melalui Durbar 1939 di Seri

Menanti, Negeri Sembilan, Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Shah mencadangkan penubuhan

Malay Girls College yang sama taraf dengan Malay College Kuala Kangsar untuk meningkatkan

pendidikan kaum wanita.

[6 markah]

- (b) Jelaskan kejayaan Maharaja Abu Bakar menangani tekanan daripada penjajah British melalui diplomasi.

Menjalinkan hubungan baik dengan kerajaan Negeri-Negeri Selat. British mengekalkan kawasan Teluk

Belanga di Singapura sebagai milik Kesultanan Johor. Berkunjung ke London untuk bertemu dengan

Ratu Victoria. Dikurniakan gelaran Maharaja Johor pada tahun 1868. Meredakan tekanan Gabenor

Negeri-Negeri Selat. Diberi kepercayaan menyelesaikan pertikaian di negeri-negeri Melayu. Menubuhkan

Lembaga Penasihat Johor di London. Melantik ahli dalam kalangan pegawai British yang berpengaruh

untuk membantu menasihati baginda dalam hal pentadbiran.

[6 markah]

- (c) Kesepakatan dan kebijaksanaan Raja-raja Melayu dan pembesar negeri menangani cabaran kuasa Barat telah berjaya mempertahankan kedaulatan negeri.

Apakah iktibar yang anda peroleh daripada kejayaan tersebut?

Permuafakatan pemerintah membawa kesejahteraan kepada rakyat. Sikap berani dan kebijaksanaan

merupakan asas penting kepada seseorang pemimpin. Rakyat hendaklah bersatu padu memberikan

sokongan kepada raja dan pembesar. Mempertahankan kedaulatan negara tanggungjawab kita semua.

Memelihara kestabilan negara bagi mengelakkan campur tangan kuasa luar. Menyokong dan

menjayakan dasar pemerintah. Perpaduan rakyat menjamin keutuhan negara. Pemimpin berwawasan

memperkasakan pentadbiran negara. Rakyat memberikan taat setia kepada raja dan pemimpin.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[8 markah]